

DATE	28 / 9 / 2012	SECTION	National
PAGE	4	COLUMN	Sumas a

# Agong mahu jemaah haji M'sia amalkan nilai-nilai murni

**KUALA LUMPUR:** Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah kelmarin menasihatkan 28,000 jemaah haji Malaysia agar sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni sesama jemaah sepanjang menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Beta berharap para jemaah sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni terutamanya dalam kalangan jemaah haji itu sendiri.

"Setiap jemaah perlu mengamalkan sikap bertolak ansur serta saling ingat mengingati antara satu sama lain," titah baginda ketika berkenan mengucapkan selamat jalan kepada kumpulan ke-41 jemaah haji yang terdiri daripada 356 orang di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya di sini.

Turut berangkat hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Tiha baginda, jemaah haji perlu menjaga kesihatan mereka sepanjang berada di

tanah suci nanti.

"Ibadah haji merupakan satu ibadah yang memerlukan sebuah pengorbanan yang jitu, (oleh itu) kesihatan para jemaah dalam semua aspek, seharusnya perlu berada pada tahap yang terbaik, merangkumi kesihatan mental, fizikal dan spiritual," titah baginda.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom dalam sidang media selepas menghadiri majlis tersebut berkata tiada sebarang laporan setakat ini menunjukkan terdapat di kalangan jemaah haji negara ini yang terlibat dengan virus Sindrom Pernafasan Teruk (SARS).

"Tiada sebarang laporan jemaah kita di sana terlibat dengan SARS dan setakat hari ini saya dimaklumkan terdapat dua kematian jemaah lelaki kita disebabkan sakit jantung dan lima jemaah lagi dirujuk ke hospital atas faktor kesihatan yang

tidak serius," katanya.

Jamil Khir berkata bagi memastikan kesihatan para jemaah sentiasa dipantau, pihak Tabung Haji telah disertakan sebanyak 182 orang pegawai perubatan pada tahun ini.

"Jika berlaku sebarang kes masalah kesihatan jemaah negara ini, pihak Kementerian Kesihatan Arab Saudi akan berhubung terus dengan kerajaan Malaysia dan kita juga sudah dimaklumkan terdapat sebuah hospital berdekatan Mekah bagi digunakan oleh jemaah di sana," katanya.

Pada Rabu Pihak Arab Saudi memaklumkan terdapat satu kes-kesihatan melibatkan jemaah negaranya yang didakwa jangkitan virus SARS.

Jamil turut memaklumkan sehingga hari ini, 10,000 orang jemaah haji Malaysia berada di Madinah dan terdapat sebilangan yang telah mula bergerak ke Mekah. -Bernama